

Tindakan agresif Israel hina dunia antarabangsa

Serangan terhadap kapal hantar bantuan ke Gaza cetus kemarahan masyarakat Islam

Berita Harian 5/06/2010 MS 43

Oleh Ibrahim Abdullah

FIRMAN Allah yang bermaksud: "Orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju atau suka kepadamu (wahai Muhammad) sehingga engkau menurut agama mereka. Katakanlah (kepada mereka): 'Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam) itulah petunjuk yang benar."

"Demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka sesudah datangnya pengetahuan kepadamu (wahi kebenaran), maka tiadalah engkau akan peroleh dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu." (Surah al-Baqarah, ayat 120).

Kerajaan dan rakyat Malaysia bahkan seluruh penduduk dunia terutama dunia Islam mengutuk sekeras-kerasnya tindakan agresif Israel terhadap tragedi penembakan yang amat tidak berperikemanusiaan itu.

Serangan terbabit dilancarkan Angkatan Laut Israel terhadap konvoi kapal kemanusiaan *Marvi Marmara* yang berlayar di Laut Mediterranean membawa kira-kira 10,000 tan bantuan kemanusiaan untuk warga Palestin di Gaza Isnin lalu, mengundang kemarahan umat manusia sejagat.

Dunia mengancam keras tindakan keganasan tentera Israel apabila pasukan tenteranya menyerbu secara kejam kapal yang membawa sukarelawan dari 50 negara yang sama sekali tidak bersenjata.

Pengerusi Perdana Global Peace Organisation (PGPO) Tun Dr Mahathir Mohamad mengutuk tindakan Israel memintas armada kapal kecil yang sedang dalam perjalanan ke Semenanjung Gaza itu.

"Saya amat marah dengan pencabulan pasukan Israel terhadap orang yang tidak bersenjata. Saya pasti Israel akan kata orang ini



UMAT Islam mengadakan demonstrasi mengutuk serangan Israel terhadap kapal Mavi Marmara ketika misi menghantar bantuan ke Gaza, di Kuala Lumpur semalam.

membawa banyak senjata. Ini tidak masuk akal. Kami telah pastikan bahawa semuanya bukan pejuang dan mereka datang dari seluruh pelusuk dunia termasuk dari Amerika dan Eropah."

Bercakap kepada wartawan mengenai mesej kepada Presiden Barack Obama, berikutan insiden itu, Dr Mahathir berkata: "Beliau boleh membuat janji ketika pilihan raya seperti di Malaysia juga. Apabila kamu fikir bahawa kamu tidak akan menang, pelbagai janji dibuat. Apabila menang, janji itu tidak dapat ditunaikan."

"Sebelum ini pun saya pernah sebut. Saya tidak fikir Obama mampu berbuat apa-apa terhadap Israel kerana dia dilaporkan mendapat restu IPAC, kumpulan pelobi Ya-

PETIKAN AL-QURAN

“Demi sesungguhnya jika engkau menurut kehendak nafsu mereka sesudah datangnya pengetahuan kepadamu (wahi kebenaran), maka tiadalah engkau peroleh dari Allah (sesuatu pun) yang dapat mengawal dan memberi pertolongan kepadamu”

Surah al-Baqarah
Ayat 120

hudi, bahawa dia akan terus menyokong Israel," katanya.

Dunia Arab juga bersatu mengutuk serangan Israel. Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Moussa, menegcam serangan keganasan Israel itu terhadap misi kemanusiaan yang dikatakan sebagai tindakan penjenayah.

"Kami mengutuk keganasan ini, menyerang misi kemanusiaan dan aktivis yang berusaha membantu masyarakat Gaza. Mereka tidak dalam menjalankan misi ketenteraan. Setiap orang harus mengutuk tindakan Israel ini," kata Moussa dan menyatakan 22 negara anggota Liga Arab sedang memikirkankan langkah seterusnya terhadap Israel.

Pemimpin Palestin, Mahmoud Abbas juga mengancam serangan Is-

rael itu dengan menyifatkannya sebagai pembunuhan.

Perdana Menteri Lubnan, Saad Hariri, juga mengutuk serangan ganas Israel itu sambil menyifatkannya sebagai tindakan berbahaya dan gila serta mengangap perkembangan itu bakal meningkatkan lagi ketegangan di Asia Barat.

Ibrahim Mousavi, jurucakap media untuk gerakan perlawanan Hizbullah, mengutuk serangan terbabit dan menyampaikan simpati mereka kepada keluarga aktivis pro-Palestin yang terkorban dalam insiden itu.

Di Mesir, kelompok Ikhwanul Muslimin mengancam keganasan terbaru Israel dan mendesak Presiden Hosni Mubarak untuk memutus semua hubungan antara Kaherah dan Tel Aviv. Gerakan ini juga meminta pemerintah Mesir untuk membuka Rafah.

Presiden Palestin, Ismail Haneayah, juga meminta aktivis pro-Palestin melakukan demonstrasi besar-besaran melawan tindakan keji Israel dan mendesak dunia Arab untuk mengambil langkah yang lebih praktikal bagi mengakhiri sekatan ekonomi terhadap Gaza.

Kesatuan Eropah pula mendesak penyelidikan atas serangan Israel terhadap kapal kemanusiaan dan meminta untuk membiarkan kapal yang membawa bantuan kemanusiaan itu memasuki jalur Gaza.

Berdasarkan laporan berasaskan sumber dalam versi internet akhbar Jerusalem Post, Presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama dikatakan memberi jaminan pada Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu bahawa Washington akan membantu meningkatkan kemampuan tentera Israel.

"Presiden Obama menegaskan pada Netanyahu bahawa Amerika Syarikat akan memberi jaminan konkrit untuk memperkuatkan kemampuan strategik Israel," kata laporan itu.